



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**31 JANUARI 2022**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 367 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 248,119 kes. Dua (2) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu di daerah Kota Kinabalu dan Beaufort. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 216 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 239,330 orang. Manakala 824 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 362 orang di hospital, 448 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan 14 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 17 orang merangkumi 15 di ICU/repurposed kritikal *care* serta dua (2) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan lima (5) orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage* empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 11 (17.46%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Kunak berubah dari zon kuning ke zon jingga manakala Tambunan dan Kuala Penyu berubah dari zon jingga ke zon merah.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning enam (6) daerah.
- Zon Jingga empat (4) daerah.
- Zon Merah 17 daerah.

## 5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

### i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Angka jangkitan baharu Negeri Sabah tidak banyak berubah iaitu 367 kes, hanya sedikit penyusutan enam (6) kes berbanding semalam.
- b. Daerah Kota Kinabalu mencatatkan kes tertinggi dengan 84 kes atau hampir 1/4 daripada jumlah kes Negeri Sabah hari ini. Selain daripada kes yang berpunca daripada Saringan Bergejala dan Saringan Kontak, jumlah kes yang tinggi di Kota Kinabalu banyak dipengaruhi oleh kes-kes baharu yang berpunca daripada kluster baharu yang diisytihar di Kota Kinabalu hari ini.
- c. Sandakan juga merekodkan angka yang tinggi iaitu 74 kes, juga di Tuaran dengan 50 kes. Secara keseluruhan 10 daerah mencatatkan kes dua (2) angka, 13 daerah mencatatkan kes satu (1) angka dan empat (4) daerah tidak merekodkan sebarang jangkitan baru.
- d. Satu (1) kluster baru institusi pendidikan melibatkan Almacrest International College diisytiharkan di Kota Kinabalu, yang dikenali sebagai Kluster Lorong Api-Api. Kes indeks merupakan seorang pelajar, berumur 18 tahun, yang tinggal di asrama kolej berkenaan (asrama Api-Api Centre), mula bergejala pada 18 Januari 2022, mendapatkan rawatan pada 21 Januari 2022 dan didapati positif. Secara kumulatif, daripada 40 ujian saringan yang dilakukan, seramai 34 pelajar didapati positif. Kesemua yang terlibat hanya dalam Kategori 1 dan 2 dan telah dihantar ke pusat kuarantin untuk tujuan pengasingan dan rawatan sewajarnya.
- e. Sejumlah 364 daripada 367 kes di Negeri Sabah adalah dalam Kategori 1 dan 2, manakala dua (2) kes dalam Kategori 3, tiada kes dalam Kategori 4 dan 1 kes dalam Kategori 5.

- f. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (180) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Saringan</b>	<b>Bilangan Kes</b>	<b>Peratusan</b>
1	Kluster	40	10.90%
2	Kontak	180	49.05%
3	Bergejala	133	36.24%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	14	3.81%
<b>JUMLAH</b>		<b>367</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (30 Januari 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 30/01/2022	Catatan Kes 31/01/2022	Perbandingan
1	Sandakan	45	74	+29
2	Kota Kinabalu	65	84	+19
3	Tuaran	36	50	+14
4	Telupid	0	9	+9
5	Kota Belud	12	19	+7
6	Lahad Datu	3	7	+4
7	Putatan	15	17	+2
8	Ranau	12	13	+1
3	Tambunan	2	3	+1
10	Pitas	0	1	+1
11	Nabawan	0	1	+1
12	Keningau	4	4	Mendatar
13	Kunak	3	3	Mendatar
14	Tenom	2	2	Mendatar
15	Semporna	1	1	Mendatar
16	Kalabakan	0	0	Mendatar
17	Tawau	54	25	-29
18	Penampang	45	17	-28
19	Beaufort	28	10	-18
20	Kota Marudu	12	6	-6
21	Kuala Penyu	9	4	-5
22	Beluran	2	0	-2
23	Kudat	2	0	-2
24	Sipitang	3	2	-1
25	Kinabatangan	3	2	-1
26	Tongod	1	0	-1
27	Papar	14	13	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>373</b>	<b>367</b>	<b>-6</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (17 Januari – 30 Januari)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	25	31	24	0	4	84	636
Sandakan	0	33	39	0	2	74	516
Tuaran	0	36	14	0	0	50	452
Tawau	8	9	5	0	3	25	204
Kota Belud	0	16	3	0	0	19	109
Penampang	0	10	7	0	0	17	306
Putatan	0	13	4	0	0	17	159
Papar	4	4	5	0	0	13	202
Ranau	0	5	7	0	1	13	150
Beaufort	2	3	5	0	0	10	218
Telupid	0	7	2	0	0	9	18
Lahad Datu	0	0	5	0	2	7	60
Kota Marudu	0	2	4	0	0	6	214
Kuala Penyu	0	4	0	0	0	4	44
Keningau	1	1	2	0	0	4	80
Kunak	0	2	1	0	0	3	21
Tambunan	0	2	1	0	0	3	42
Kinabatangan	0	1	0	0	1	2	76
Sipitang	0	0	2	0	0	2	38
Tenom	0	1	1	0	0	2	47
Semporna	0	0	1	0	0	1	9
Nabawan	0	0	1	0	0	1	2
Pitas	0	0	0	0	1	1	10
Kudat	0	0	0	0	0	0	23
Beluran	0	0	0	0	0	0	28
Tongod	0	0	0	0	0	0	3
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	2
<b>JUMLAH</b>	<b>40</b>	<b>180</b>	<b>133</b>	<b>0</b>	<b>14</b>	<b>367</b>	<b>3,669</b>

- d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Beaufort	Kluster Montenor	2
Keningau	Kluster Puri Seberang Keningau	1
Kota Kinabalu	Kluster Lorong Api-Api	25
Tawau	Kluster Jalan Sri Balung	8
Papar	Kluster Persiaran Palma	4
<b>Jumlah</b>		<b>40</b>

- 6 Terdapat **satu (1) kluster baharu** direkodkan hari ini.

**Kluster Lorong Api-Api - Kota Kinabalu** merupakan kluster jenis institusi pendidikan. Kes indeks merupakan lelaki tempatan, 18, pelajar di Almacrest International College Kota Kinabalu dan tinggal di asrama kediaman Api-Api Center. Kes indeks yang bergejala sejak 18 Januari 2022, didapati positif PCR COVID-19 pada 21 Januari 2022 dan telah dimasukkan ke PKRC untuk tujuan isolasi dan rawatan lanjut. Saringan terhadap 40 kontak rapat mendapati 25 lagi kes positif dan jumlah kumulatif adalah sebanyak 34 kes, manakala 6 lagi negatif. Semua pelajar yang positif dikategorikan sebagai bergejala ringan (Kategori 1 & 2) dan telah dihantar ke pusat kuarantin dan diberikan rawatan yang sesuai.

- 7 Jumlah kapasiti katil 3,676 unit

- Hospital 1,153 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,333 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 162 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 22.42%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 31 JANUARI 2022

### i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	362
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	2
Orang Dalam Tahanan /Banduan	3
<b>Jumlah</b>	<b>367</b>

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Selangor	2
<b>Jumlah</b>	<b>2</b>

### ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	345
Bukan Malaysia	22
<b>Jumlah</b>	<b>367</b>

### iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	61
Belum Menerima Vaksin	15
Menerima 1 Dos	0
Lengkap 2 Dos	245
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	46
<b>Jumlah</b>	<b>367</b>

### iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	2
1 to 5	25
6 to 11	34
12 to 17	48
18 to 25	75
26 to 59	157
>60	26
<b>Jumlah</b>	<b>367</b>



## **C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 30 Januari 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 3,866 orang. Daripada jumlah ini, seramai 3,845 orang adalah penduduk dewasa dan 21 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 30 Januari 2022 adalah seramai 2,454,217 orang. Ini meliputi 2,116,939 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.75% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,410,128 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,097,259 orang atau 76.03% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 337,278 orang atau 77.71% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 312,869 atau 72.09% orang setakat ini.

## **D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Setakat hari ini, sejumlah **680,025** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## **E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS**

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 8,207 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 53 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 45 kompaun melanggar SOP COVID-19 dikeluarkan di seluruh Sabah.
  - Dua (2) Orang : Pemilik Premis Gagal Patuhi Waktu Operasi
  - 43 Orang : Tiada Penjarakan Fizikal Dalam Pusat Hiburan

- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 215 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 56 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
  - i Sebanyak 897 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.
  - ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 34 premis perniagaan dan 40 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 278 Premis Perniagaan melibatkan 120 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan tiga (3) anggota di tiga (3) lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di dua (2) premis, melibatkan dua (2) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 40 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di dua (2) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 52 hebahan di seluruh Sabah.

**F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4**

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Kunak	98.5%
2	Semporna	98.4%
3	Kudat	98.3%
4	Beluran	98.3%
5	Kinabatangan	98.3%
6	Kota Marudu	98.1%
7	Lahad Datu	98.1%
8	Sandakan	98%
9	Kota Kinabalu	98%
10	Keningau	98%
11	Beaufort	98%
12	Sipitang	98%
13	Papar	97.8%
14	Tawau	97.8%
15	Tenom	97.8%
16	Kota Belud	97.8%
17	Ranau	97.7%
18	Tuaran	97.6%
19	Penampang	97.5%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#KeluargaMalaysia**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**